

DASAR PRIVASI MALAYSIA UNTUK SANDLER ONLINE

Dasar Privasi ini menerangkan amalan Sandler Systems, Inc. (“Sandler”, “kami” atau “kita”) berkenaan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan maklumat yang kami kumpulkan daripada dan tentang anda apabila anda menggunakan sistem pengurusan pembelajaran Sandler yang dikenali sebagai *Sandler Online*. Sekiranya berlaku konflik di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu Dasar Privasi ini, versi Bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai.

Dengan mengakses atau menggunakan Sandler Online, anda bersetuju bahawa anda telah membaca dan memahami Dasar Privasi ini dan bahawa anda menerima dan memberi persetujuan dengan amalan privasi dan penggunaan atau pendedahan maklumat tentang anda yang diterangkan di sini.

Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat peribadi dan berkaitan kepada anda melalui Sandler Online, kami mengumpulkan maklumat tertentu daripada pengguna. Diminta jangan berikan apa-apa maklumat sensitif atau kesihatan. Kami tidak mahu, atau kami tidak akan meminta maklumat sensitif. Sandler Online tidak direka bentuk untuk memproses maklumat sensitif.

Melainkan jika dinyatakan sebaliknya dalam Dasar Privasi ini, bahawa penyediaan maklumat peribadi anda adalah mandatori. Sekiranya anda tidak memberikan kami maklumat peribadi anda, kami tidak akan dapat menyediakan Sandler Online atau ciri-ciri dan fungsi tertentu yang diperlukan.

Maklumat yang Kami Kumpulkan

Kami mengumpul maklumat peribadi, seperti nama, alamat e-mel, nombor telefon anda dan maklumat untuk dihubungi, nama syarikat, jawatan, bahagian, industri dan lokasi apabila anda log masuk. Kami juga mengumpul maklumat lain seperti nama jurulatih, nama pengurus, gabungan pemberi francais, maklum balas tinjauan dan nama rujukan anda apabila anda menggunakan Sandler Online. Kami juga boleh menyampaikan tinjauan dan bertanya tentang testimoni sukarela pelanggan berdasarkan program yang ditawarkan.

Kami juga mengumpul maklumat tentang anda daripada sumber pihak ketiga, seperti majikan anda, pemberi francais Sandler lain dan rakan niaga pihak ketiga kami. Maklumat yang kami kumpulkan tentang anda daripada pihak ketiga ini termasuk nama, jawatan, nama syarikat, alamat, nombor telefon, lokasi latihan yang dirujuk, alamat laman web, alamat e-mel, profil media sosial dan data demografi seperti bilangan pekerja di syarikat anda dan minat kandungan kursus. Dasar Privasi ini menerangkan pengumpulan dan pengendalian maklumat peribadi anda oleh pihak Sandler, anda juga perlu merujuk kepada notis privasi mana-mana pihak ketiga berkenaan pendedahan maklumat peribadi anda kepada kami.

Maklumat yang Kami Kumpulkan Secara Automatik

Kami boleh mengumpulkan maklumat berikut tentang penggunaan Sandler Online anda secara automatik melalui kuki, suar web dan teknologi lain: nama domain anda; jenis pelayar dan sistem operasi anda; laman web yang anda lihat; pautan yang anda klik; alamat IP anda; tempoh masa

anda mengunjungi atau menggunakan Sandler Online; dan URL yang dirujuk, atau laman web yang membawa anda ke Sandler Online. Sebahagian daripada maklumat ini boleh dianggap sebagai maklumat peribadi, menurut undang-undang tempatan yang terpakai. Kami boleh menggabungkan maklumat ini dengan maklumat lain yang telah kami kumpulkan tentang anda, termasuk, maklumat peribadi. Sila lihat bahagian “Cara Kami Menggunakan Kuki” di bawah untuk maklumat lanjut.

Cara Kami Menggunakan Kuki

Kami menggunakan teknologi “kuki” untuk mengumpul data tambahan penggunaan laman web dan menambah baik Sandler Online dan perkhidmatan kami. Kuki ialah fail data kecil yang kami pindahkan ke cakera keras komputer anda melalui pelayar web anda (jika anda benarkan) yang membolehkan kami mengenali pelayar anda dan merekod serta mengingat maklumat tertentu. Kami boleh menghubungkan kuki itu kepada nama log masuk pengguna dalam pangkalan data kami dan kemudiannya menentukan nama pengguna itu. Kami tidak dengan cara lain, menggunakan kuki untuk mengumpul maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti. Kami menggunakan kuki untuk menyusun data agregat tentang trafik dan interaksi laman web, dalam usaha menambah baik LMS dan produk serta perkhidmatan kami, menawarkan pengalaman dan alatan laman web yang lebih baik pada masa akan datang dan memaparkan kandungan dan bahan yang diperibadikan (termasuk bahan pemasaran) dalam LMS.

Anda boleh memilih sama ada komputer anda memberi amaran kepada anda setiap kali kuki dihantar, atau anda boleh memilih untuk mematikan semua kuki. Anda melakukan ini melalui tetapan pelayar anda. Sekiranya anda mematikan kuki, beberapa ciri akan dinyahaktifkan dan beberapa ciri yang menjadikan pengalaman Sandler Online lebih cekap mungkin tidak berfungsi dengan baik.

GIF jelas, tag piksel dan teknologi lain. GIF jelas ialah grafik kecil dengan pengenal pasti unik, mempunyai fungsi serupa seperti kuki. Berbeza dengan kuki, yang disimpan dalam cakera keras komputer anda, GIF jelas tersemat di laman web tanpa boleh dilihat. Kami boleh menggunakan GIF jelas (juga dikenali sebagai suar web, pepijat web atau tag piksel) berhubung dengan Sandler Online, antara lain, untuk menjejaki aktiviti pengunjung dan pengguna, membantu kami menguruskan kandungan dan menyusun statistik tentang penggunaan Sandler Online. Kami dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga kami juga menggunakan GIF jelas dalam e-mel HTML kepada pelanggan kami, bagi membantu kami menjejaki kadar respons e-mel, mengenal pasti apabila e-mel kami dilihat dan menjejaki jika e-mel kami diajukan.

Analisis Pihak Ketiga. Kami menggunakan peranti dan aplikasi automatik, seperti Google Analytics, untuk menilai penggunaan Sandler Online. Kami juga boleh menggunakan cara analisis lain untuk menilai Sandler Online. Satu daripada penyedia perkhidmatan kami ini ialah Google Analytics dan lebih banyak maklumat tentang cara ia memproses maklumat peribadi anda boleh didapati di sini: <https://www.google.com/policies/privacy/partners>. Kami menggunakan alatan ini untuk membantu kami menambah baik Sandler Online, prestasi dan pengalaman pengguna laman web itu. Entiti ini boleh menggunakan teknologi kuki dan penjejakan lain untuk melaksanakan perkhidmatannya. Kami tidak berkongsi maklumat peribadi anda dengan pihak ketiga ini.

Jangan Menjejaki. Pada masa ini, sistem kami tidak memperaku pelayar permintaan “jangan menjejaki”. Walau bagaimanapun, anda boleh menyahaktifkan penjejakan tertentu seperti yang dibincangkan dalam bahagian ini (misalnya, dengan menyahaktifkan kuki).

Penggunaan Maklumat Anda

Kami boleh menggunakan maklumat yang kami kumpulkan daripada anda dengan cara berikut:

- Untuk menyediakan perkhidmatan kami kepada anda, termasuk menyampaikan latihan dan menghantar e-mel pemberitahuan latihan yang sesuai kepada anda dan/atau pengurus anda.
- Untuk menjejaki kemajuan anda dalam melengkapkan kursus.
- Untuk menyampaikan produk dan sijil bagi program terpilih.
- Untuk memperibadikan pengalaman anda dan membolehkan kami menyampaikan jenis kandungan dan tawaran produk yang paling anda minati.
- Untuk meminta pengedaran dan penilaian perkhidmatan dan produk kami.
- Untuk menambah baik Sandler Online dalam usaha memberi layanan lebih baik kepada anda.
- Untuk menghubungi anda bagi tujuan pemasaran, termasuk menghantar maklumat peribadi dan berkaitan kepada anda melalui e-mel dan mesej teks menurut keperluan undang-undang tempatan dan persetujuan. Anda boleh menghentikan langganan daripada senarai mel kami pada bila-bila masa dengan menggunakan ciri “henti langganan” dalam mana-mana e-mel pemasaran yang anda terima daripada kami.
- Untuk memberikan sokongan pelanggan dan untuk membuat tindakan susulan dengan anda selepas saling berhubung (sebang secara langsung, e-mel atau pertanyaan telefon).
- Untuk memahami pelajaran yang dipelajari.
- Untuk mengira jam kredit pensijilan.
- Untuk menawar dan menyampaikan kandungan berdasarkan pasaran menegak dan/atau laluan latihan awal anda.
- Untuk mematuhi kewajipan undang-undang yang terpakai, termasuk memberi respons terhadap sepina atau perintah mahkamah.
- Apabila kami percaya, perlu untuk menyasat, mencegah atau mengambil tindakan berhubung aktiviti haram, penipuan yang disyaki, situasi yang melibatkan potensi ancaman kepada keselamatan mana-mana individu atau pelanggaran Terma Penggunaan atau Dasar ini.

Keselamatan

Kami telah menyediakan langkah keselamatan untuk melindungi dan menyelamatkan maklumat yang kami kumpulkan dalam Sandler Online. Walau bagaimanapun, penghantaran maklumat melalui Internet tidak benar-benar selamat dan oleh itu kami tidak dapat menjamin keselamatan data yang dihantar kepada kami secara elektronik dalam Sandler Online dan penghantaran data tersebut terletak atas risiko anda sendiri .

Mendedahkan Maklumat Anda

Maklumat yang anda masukkan ke dalam Sandler Online mungkin dikongsi antara jurulatih dan pemberi francais Sandler kami dan majikan, penyelia dan pengurus anda, yang juga boleh menggunakan maklumat anda bagi tujuan yang dinyatakan dalam bahagian “Gunakan Maklumat Anda” di atas. Kami tidak membenarkan pemberi francais dan jurulatih menggunakan maklumat peribadi yang anda masukkan ke dalam Sandler Online untuk kegunaan pemasaran langsung mereka sendiri. Kami juga boleh mendedahkan maklumat yang kami kumpulkan daripada anda kepada vendor pihak ketiga, penyedia perkhidmatan, kontraktor atau ejen yang melaksanakan fungsi bagi pihak kami. Kami mengambil langkah yang sesuai untuk memastikan bahawa pihak ketiga tersebut menganggap maklumat peribadi anda dengan pertimbangan yang sama kami lakukan. Kami tidak menjual, berdagang, atau sebaliknya memindahkan kepada pihak luar maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti.

Sandler Systems, Inc. ialah syarikat Amerika Syarikat dan jurulatih serta pemberi francais kami mungkin berpangkalan di Amerika Syarikat dan dalam bidang kuasa lain yang tidak mempunyai undang-undang perlindungan data yang setara dengan bidang kuasa negara asal anda. Menurut undang-undang tempatan, kami akan mengambil langkah bagi memastikan maklumat peribadi anda menerima tahap perlindungan yang mencukupi seperti yang dikehendaki oleh undang-undang terpakai, seperti melalui penggunaan klausa kontrak standard Kesatuan Eropah diluluskan oleh Suruhanjaya Eropah, kesetaraan negara berkaitan di luar EU, atau perlindungan lain yang dibenarkan. Oleh itu, dengan memberikan kami maklumat peribadi anda, anda dengan jelas memperaku bahawa kami boleh memindahkan maklumat peribadi anda, atau mengakses di dalamnya, bidang kuasa yang mungkin tidak memberikan tahap perlindungan data yang setara kepada bidang kuasa negara asal anda.

Kami boleh juga berkongsi maklumat dalam keadaan berikut:

- ***Pindahan Perniagaan.*** Sekiranya kami diambil alih atau digabungkan dengan syarikat lain, jika sebahagian besar aset kami dipindahkan ke syarikat lain, atau sebagai sebahagian daripada prosiding kebangkrutan, kami boleh memindahkan maklumat yang kami kumpulkan daripada anda kepada syarikat lain.
- ***Sebagai Respons kepada Proses Undang-undang.*** Kami juga boleh mendedahkan maklumat yang kami kumpulkan daripada anda dalam usaha untuk mematuhi undang-undang, prosiding kehakiman, perintah mahkamah, atau proses perundangan lain, seperti sebagai memberi respons kepada perintah mahkamah atau sepina.
- ***Untuk Melindungi Kami dan Orang Lain.*** Kami juga boleh mendedahkan maklumat yang kami kumpulkan daripada anda apabila kami percaya ia perlu untuk menyiasat, mencegah atau mengambil tindakan berhubung aktiviti haram, penipuan yang disyaki, situasi yang melibatkan potensi ancaman kepada keselamatan mana-mana individu atau pelanggaran Terma Penggunaan atau Dasar Privasi ini, atau sebagai bukti dalam litigasi yang melibatkan Sandler.
- ***Maklumat Agregat dan Tidak Dikenal Pasti.*** Kami boleh berkongsi maklumat agregat atau tidak dikenal pasti tentang pengguna bersama pihak ketiga untuk pemasaran, pengiklanan, penyelidikan atau proses yang serupa.

Laman Web dan Interaksi Pihak Ketiga

Sandler Online boleh mengandungi pautan ke laman web atau aplikasi pihak ketiga yang berada di luar kawalan kami dan tidak dilindungi oleh Dasar Privasi ini. Sekiranya anda mengakses laman web atau aplikasi lain dengan menggunakan pautan yang disediakan, pengendali laman web tersebut boleh mengumpul maklumat daripada anda yang akan digunakan oleh mereka menurut dasar privasi dan terma penggunaan, yang mungkin berbeza daripada milik kami. Kami tidak menerima apa-apa tanggungjawab atau liabiliti untuk dasar mereka sekalipun kerana kami tidak boleh mengawalinya.

Hanya Pengguna yang Mencapai Umur Dewasa yang Sah

Sandler Online direka bentuk dan mungkin hanya digunakan oleh mereka yang telah mencapai umur dewasa (umur 18 tahun dalam kebanyakan bidang kuasa). Oleh itu, dengan menggunakan Sandler Online, anda mengesahkan bahawa anda berumur sekurang-kurangnya 18 tahun atau ke atas. Kami tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kerosakan yang boleh disebabkan oleh salah nyata umur pengguna.

Akses kepada Maklumat

Sekiranya anda percaya bahawa apa-apa maklumat yang kami pegang tentang anda adalah tidak betul atau tidak lengkap, atau mempunyai apa-apa aduan mengenai Sandler Online, sila beritahu kami secepat mungkin seperti alamat di bawah. Kami akan memberikan respons terhadap permintaan anda menurut undang-undang tempatan yang terpakai.

Anda juga boleh mengemas kini maklumat peribadi anda yang tertentu dengan log masuk ke dalam akaun anda. Sila ambil perhatian bahawa kami boleh mengekalkan salinan mana-mana data peribadi yang telah anda kemas kini untuk tempoh masa sebagai sebahagian daripada sandaran dan rekod perniagaan kami; sila lihat bahagian “Penyimpanan Maklumat Anda” di bawah untuk penerangan mengenai amalan penyimpanan kami.

Penyimpanan Maklumat Anda

Sandler Online mengguna pakai peraturan umum menyimpan maklumat peribadi anda hanya untuk suatu tempoh selagi diperlukan bagi memenuhi tujuan ia dikumpulkan. Walau bagaimanapun, dalam sesetengah keadaan, kami boleh menyimpan maklumat peribadi untuk tempoh yang lebih lama, misalnya apabila kami perlu berbuat demikian menurut kewajipan undang-undang, cukai atau perakaunan, atau apabila kami ingin memperoleh rekod yang tepat mengenai urusan anda dengan kami sekiranya terdapat apa-apa aduan atau pertikaian.

Perubahan kepada Dasar ini

Kami mengemas kini Dasar Privasi ini dari masa ke masa, oleh itu sila semak semula Dasar Privasi ini dengan kerap. Sekiranya kami mengubah suai Dasar Privasi kami dengan banyak, kami akan memberitahu anda mengenai perubahan tersebut dengan menyiarkan notis dalam Sandler Online. Penggunaan Sandler Online oleh anda secara berterusan akan dianggap sebagai persetujuan anda bahawa maklumat anda mungkin digunakan menurut Dasar Privasi baharu dan penerimaan perubahan kepada Dasar Privasi. Sekiranya anda tidak bersetuju dengan perubahan itu, maka anda

perlu berhenti menggunakan Sandler Online dan anda harus memberitahu pihak kami bahawa anda tidak mahu maklumat anda digunakan menurut perubahan tersebut.

Menghubungi Kami

Kami mengalu-alukan apa-apa pertanyaan, komen, aduan atau permintaan yang anda mungkin ada berkenaan Dasar Privasi ini. Sila jangan teragak-agak untuk menghubungi kami di:

Privacy Officer
Sandler Systems, Inc.
300 Red Brook Blvd, Suite 400
Owings Mills, MD 21117
USA
410-653-1993
legal@sandler.com

Tarikh terakhir dikemas kini: 9 Julai 2019